

CNS0649

U GB 04-01 00192 BA857

aab

Mahathir - Semangat 46

SEMANGAT 46 MAHU MAIN SENTIMEN MELAYU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penentangan Parti Semangat 46 terhadap cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi menghapuskan kekebalan raja-raja pada sisi undang-undang menunjukkan parti itu mahu menjadikannya isu politik dengan memainkan sentimen kemelayuan.

+Sebenarnya pada mulanya mereka menyokong (cadangan pindaan itu) tetapi sekarang mereka ada +second thoughts+ dan nak lari daripada perkara ini.

+Mereka menjadikan ini sebagai satu isu politik dengan memainkan setimen kemelayuan,+ kata Perdana Menteri kepada pemberita di stesen TUDM Sungai Besi di sini sebelum berlepas ke Alor Setar petang ini untuk merasmikan Ujian Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan di Kangar malam ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas usul yang diluluskan oleh Semangat 46 pada perhimpunan khas parti itu semalam untuk menentang usaha kerajaan meminda perkara 181 (2) Perlembagaan Persekutuan bagi menghapuskan kekebalan raja-raja pada segi undang-undang.

Dr Mahathir berkata, kedudukan orang Melayu sebenarnya bergantung kepada kekuatan politik mereka dan antara sebab yang boleh melemahkan kedudukan orang Melayu ialah perpecahan yang disebabkan oleh Semangat 46. -- Lagi.

▼04/01/18-53MST

CNS0680

R GB 04-01 00164 BA858

bah

Mahathir - Semangat 2 Kuala Lumpur

Kata beliau, parti Semangat 46 juga cuba untuk menjadi +juara orang Melayu+ dan berusaha menggunakan isu berkenaan sebagai daya penarik kepada +parti yang sudah tidak ada apa lagi.+

+(Parti Semangat 46) tidak ada apa pendirian sama sekali...apa sahaja isu yang boleh diguna akan diguna oleh (parti Semangat) 46,+ katanya.

→Ketika ditanya mengenai perhimpunan yang dikatakan dirancang oleh Semangat 46 untuk menyambut kepulangan Sultan Kelantan dan Raja Perempuan daripada menunaikan umrah di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Rabu ini, Dr Mahathir berkata: +Kalau dia nak adakan perhimpunan, itu masalah dialah.+

+Tapi setelah dia membuat kenyataan, (dan) sokongan kepada pindaan (Perlembagaan) dan kenyataan PAS bahawa sebarang kekebalan untuk sesiapa adalah bertentangan dengan agama Islam, saya harap mereka akan berpegang kepada itu.

+Kalau nak tunjuk kesetiaan dia kepada raja, itu masalah dialah. Kita pun setia kepada raja tetapi tak payahlah nak buat perkara semacam itu,+ katanya. -- Lagi.

▼04/01/19-16MST

CNS0691

U GB 04-01 00117 BA859

aab

Mahathir - Semangat 3 Kuala Lumpur

Mengenai keputusan Sultan Johor untuk menangguhkan +perhimpunan+ yang dijadualkan Jumaat ini di Istana Besar Johor Baharu, Datuk Seri Dr Mahathir mengulangi bahawa beliau gembira dengan keputusan itu kerana ia dapat mengurangkan ketegangan.

+Ini memulakan suasana yang baik dalam usaha kita untuk menyelesaikan masalah pindaan Perlembagaan,+ katanya.

Ketika ditanya mengenai perjumpaan beliau dengan beberapa pemimpin UMNO hari ini, Dr Mahathir berkata, perjumpaan itu adalah untuk mengkaji draf cadangan pindaan Perlembagaan.

Katanya, draf muktamad belum disiapkan tetapi beliau berharap ia dapat disiapkan menjelang Rabu ini.

Beliau menambah bahawa draf itu akan dikemukakan kepada Kabinet pada mesyuaratnya Rabu ini. -- Lagi.

▼04/01/19-23MST

CNS0704
R GB 04-01 00174 BA863
bah

Mahathir - Semangat 4 Kuala Lumpur

Di ALOR SETAR, ketika ditanya mengenai butiran perbincangannya dengan pemimpin-pemimpin UMNO berkenaan, Perdana Menteri berkata, perjumpaan itu hanya membincangkan draf undang-undang yang akan dibahaskan di Dewan Rakyat pada 18 Jan ini.

+Draf itu akan ditentukan mempunyai tiga bahagian, iaitu meminda peruntukan berkenaan kekebalan, kedua mengenai hasutan...bukan Akta Hasutan tetapi peruntukan berkenaan hasutan dalam Perlembagaan terhadap raja-raja dan hasutan berkenaan ucapan di dalam Dewan dan yang ketiga berkenaan kuasa pengampunan,+ katanya ketika ditemui pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim.

Dr Mahathir berkata, kandungan draf itu akan diumumkan apabila kerajaan telah bersedia untuk berbuat demikian.

Apabila ditanya sama ada cadangan supaya Perdana Menteri mempengerusikan Lembaga Pengampunan juga termasuk dalam pindaan itu, beliau berkata: +Kita akan dengarlah apa dia cadangan itu...tetapi oleh kerana draf ini belum diluluskan oleh Kabinet, maka ia belum jadi rasmi.+

Perdana Menteri juga berkata, beliau belum dapat memberi butiran mengenai draf itu pada masa ini kecuali gambaran secara umum sahaja. --
Lagi.

♥04/01/19-33MST

CNS0731
U GB 04-01 00221 BB598
BAH

Mahathir - Semangat 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai cadangan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan supaya UMNO ditukar nama kononnya untuk mewujudkan bangsa Malaysia tulen, Perdana Menteri berkata: +Orang UMNO di Sabah tak komplenpun buat apa yang dia nak komplen...dia buat hak dia punyalah.+

+Sepatutnya dia lebih menggambarkan Malaysia dan bukan Sabah sahaja. Apa pasal dia PBS (Parti Bersatu Sabah)? Kerana dia anggap Sabah sebagai sebuah negara asing barangkali?+ katanya.

Kepada soalan pemberita mengenai cadangan Parti Semangat 46 untuk mengadakan perhimpunan di seluruh negara, beliau berkata, sekiranya parti itu mula mengadakan perhimpunan, orang lain juga mahu mengadakan perhimpunan.

+Perhimpunan ini susah nak kawal, nanti berlaku ketegangan. Begitu juga dengan Johor, kita syorkan supaya tidak diadakan perhimpunan. Kalau nak adakan perhimpunan, UMNO dan Barisan Nasional punya perhimpunan jauh lebih besar. Kita tak bercadang untuk mengadakan perhimpunan,+ katanya.

Ketika ditanya (di Sungai Besi) mengenai pembelian seunit Kondominium berharga RM370,000 oleh MARA di Taman Seputih di Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang mengkaji asas-asas pengurusan MARA sama ada bertentangan atau tidak dengan dasar-dasar Mara.

Perdana Menteri yang tiba bersama Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, disambut di lapangan terbang oleh Menteri Besar Perlis, Dr Abdul Hamid Pawanteh dan anggota Exco kerajaan negeri Kedah dan Perlis.
-- Bernama.